

03/03/2004

Hasrat Effendi kehilangan besar bagi Sarawak

KUCHING: Hasrat Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi untuk tidak bertanding dalam pilihan raya umum akan datang, dianggap satu kehilangan besar kepada Sarawak.

Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi, Datuk Seri Dr James Jemut Masing berkata, ini kerana Effendi adalah seorang tokoh yang berkaliber dan mempunyai keupayaan untuk memberikan lebih banyak sumbangan kepada negara.

"Walaupun hasrat Effendi untuk dikecualikan daripada dicalonkan dalam pilihan raya umum itu dianggap sebagai khabar angin, tetapi jika benar ia berlaku boleh dianggap sebagai satu kehilangan besar kepada Sarawak.

"Ini kerana beliau adalah antara tokoh muda Sarawak yang berkaliber untuk menjadi seorang pemimpin," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan akhbar semalam bahawa beberapa pemimpin veteran dijangka tidak bertanding dalam pilihan raya akan datang.

Antaranya termasuk Effendi yang sebelum ini bertanding di kawasan Kuala Rajang; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie (Kanowit); bekas Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad (Kubang Pasu).

Terdahulu, beliau mengetuai rombongan ahli jawatankuasa Bulan Sukan Bermotor dan pertunjukan Formula Satu (F1) mengadakan kunjungan hormat kepada Yang di-Pertua Negeri, Tun Abang Muhammad Salahuddin di Astana Negeri di sini.